



Lembaga Kemajuan  
Perindustrian Malaysia  
Blok 4, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: (603) 2267 3633 Faks: (603) 2274 7970  
E-mel: investmalaysia@mida.gov.my  
Laman Web: www.mida.gov.my

# KENYATAAN MEDIA

## SIDANG MEDIA TAHUNAN MIDA MENGENAI PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2008

10 FEBRUARI 2009


*KENYATAAN OLEH:*

**YB TAN SRI DATO' MUHYIDDIN YASSIN  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
INDUSTRI**

---

**Saya berasa bangga berada di sini pada pagi ini untuk mengumumkan prestasi sektor perkilangan dan perkhidmatan pada tahun 2008.**

Sidang media ini adalah penting dalam beberapa aspek. Pertama sekali, ia mencerminkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2008. Ia juga adalah penting memandangkan sidang media ini diadakan dalam keadaan ekonomi global yang sungguh mencabar dan tidak menentu. Sidang ini memberi peluang kepada kita untuk memahami tentang perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku di Malaysia khususnya dari segi FDI dan prospeknya, isu-isu yang dihadapi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi kelembapan ekonomi negara.



**Ekonomi Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan 6.3 peratus dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2008. Pertumbuhan dalam negara disokong oleh permintaan domestik dan diikuti oleh pembesaran berterusan dalam penggunaan sektor swasta dan awam.**

**Sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan tertinggi dengan pertumbuhan nilai ditambah pada kadar 7.9 peratus bagi tempoh Januari – September 2008. Ini diikuti oleh sektor perkilangan yang berkembang sebanyak 4.8 peratus. Sektor perkilangan menyumbang sebanyak 29.9 peratus kepada KDNK negara bagi tempoh ini manakala sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK adalah sebanyak 54.2 peratus.**

### **PELABURAN DI DALAM SEKTOR PERKILANGAN**

**Malaysia terus kekal sebagai destinasi yang kompetitif bagi aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan pada tahun 2008. Kelulusan jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan berjumlah RM62.8 bilion pada tahun 2008, berbanding dengan RM59.9 bilion pada tahun 2007. Jumlah pelaburan pada tahun 2008 merupakan yang tertinggi dicatatkan setakat ini dan adalah melebihi dua kali ganda sasaran RM27.5 bilion setahun yang ditetapkan dalam IMP3.**

Bagi tahun 2008, peningkatan ketara pelaburan adalah hasil daripada kelulusan beberapa projek berintensifkan modal, terutamanya dalam produk logam asas, industri elektrik dan elektronik, petrokimia dan kelengkapan pengangutan. Sebanyak 12 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM1 billon dan ke atas telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM38.3 bilion atau 61.0 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2008.

Projek yang melibatkan pelaburan asing menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pelaburan pada tahun 2008. Pelaburan asing berjumlah RM46.1 bilion atau 73.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan pada tahun 2008 juga adalah yang tertinggi yang dicatatkan setakat ini. Tahun 2008 merupakan tahun kelima berturut-turut dari segi kenaikan pelaburan asing berbanding dengan RM33.4 billon pada tahun 2007, RM20.2 bilion pada tahun 2006, RM17.9 bilion pada tahun 2005 dan RM13.1 billon pada tahun 2004.

Mengikut laporan awal UNCTAD terkini yang dikeluarkan pada 19 Januari 2009, Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 53.4 peratus dalam pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2008. Ia merupakan kenaikan tertinggi di rantau ini dan Malaysia adalah di antara sebilangan kecil

**negara membangun yang telah mencapai pertumbuhan positif dalam FDI.** Jumlah aliran masuk FDI ke Malaysia meningkat dari USD8.4 bilion pada tahun 2007 kepada USD12.9 bilion pada tahun 2008 yang mendahului negara-negara lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia, di mana kesemuanya mencatatkan pertumbuhan FDI yang negatif. China mencapai pertumbuhan sebanyak 10.6 peratus.

**Pertumbuhan ini adalah menggalakkan memandangkan aliran masuk FDI global diramalkan menurun melebihi 20 peratus pada tahun 2008.**

**Kejayaan Malaysia untuk terus menarik sejumlah besar FDI adalah disebabkan oleh:**

- polisi pelaburan yang liberal;
- berdaya saing dari segi kos sebagai lokasi pelaburan;
- kemajuan dalam infrastruktur;
- industri sokongan yang kukuh;
- tenaga kerja produktif;  
dan
- kemudahan sedia ada seperti sektor perbankan dan insuran yang kukuh, efisien dan tidak luntur.

**Langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian negara adalah antara beberapa faktor positif lain yang menjadikan Malaysia lokasi pelaburan pilihan.**

Turut penting dalam menarik FDI adalah usaha berterusan Kerajaan yang aktif dalam menggalakkan pelaburan domestik. Dari tahun 2002 -2006, pelaburan domestik dalam sektor perkilangan mencatatkan purata lebih kurang RM14.9 bilion setahun. Pada tahun 2007, paras rekod dalam pelaburan domestik berjumlah RM26.5 bilion telah dicapai berpunca daripada kelulusan beberapa projek berintensifkan modal, terutamanya dalam produk petroleum dan industri logam asas. Pada tahun 2008, pelaburan diluluskan berjumlah RM16.7 bilion, iaitu kembali kepada paras purata yang dicatatkan pada tahun-tahun sebelumnya.

Trend yang menggalakkan dalam projek yang diluluskan menunjukkan pelabur-pelabur asing dan domestik terus bertindak positif terhadap inisiatif Kerajaan untuk melabur dalam industri-industri berintensifkan modal, berasaskan kemahiran dan pengetahuan, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi. Ini ditunjukkan oleh nisbah kenaikan dalam pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) dari RM613,600 pada tahun 2007 kepada RM620,571 pada tahun 2008.

### **SUMBER UTAMA PELABURAN ASING**

#### *i. Australia*

Pada tahun 2008, pelaburan dari Australia meningkat kepada RM13.1 bilion yang merupakan paras tertinggi

pelaburan yang dicatatkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Satu projek dalam industri logam asas dengan pelaburan sebanyak RM12.5 bilion telah menjadi penyumbang terbesar terhadap pelaburan tersebut.

*ii. Amerika Syarikat*

Walaupun dengan krisis kewangan yang berterusan, Amerika Syarikat merupakan pelabur kedua terbesar dalam sektor perkilangan. Pelaburan berjumlah RM8.7 bilion telah diluluskan pada tahun 2008 berbanding dengan RM3.0 bilion pada tahun 2007. Pelaburan Amerika Syarikat sebahagian besarnya adalah dalam tenaga boleh diperbaharui dan industri elektronik serta kimia.

*iii. Jepun*

Jepun terus menjadi pelabur penting dalam sektor perkilangan dengan pelaburan berjumlah RM5.6 bilion. Pelaburan Jepun terutamanya adalah dalam industri logam asas, elektronik, produk kayu dan gas cecair asli.

*iv. Jerman*

Jerman merupakan pelabur terbesar dari Eropah dengan pelaburan bernilai RM4.4 bilion. Pelaburan Jerman adalah tertumpu terutamanya dalam industri tenaga boleh diperbaharui dan elektronik.

**Sumber utama lain FDI adalah Sepanyol, Singapura dan Belanda**

### **PROJEK BARU**

Walaupun terdapat persaingan global yang sengit terhadap pelaburan asing, Malaysia terus menjadi lokasi yang kompetitif dari segi kos bagi pelaburan baru. Daripada 919 projek yang diluluskan, 548 merupakan projek baru yang melibatkan pelaburan sebanyak RM42.0 billion atau 70.0 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek-projek ini adalah sebanyak RM34.2 bilion atau 54.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

### **PEMBESARAN DAN PELBAGAIAN**

Seterusnya, syarikat asing wujud juga terus menunjukkan keyakinan mereka terhadap Malaysia sebagai lokasi pesisir pantai bagi pelaburan mereka dengan melakukan pelaburan semula menerusi aktiviti pembesaran dan pelbagaian. Pelaburan asing dalam aktiviti ini berjumlah RM11.9 bilion. Syarikat tempatan juga telah banyak melaksanakan aktiviti pembesaran dan pelbagaian terutamanya dalam industri logam asas yang menarik pelaburan berjumlah RM4.0 bilion.

## **PELUANG PEKERJAAN**

Pelaksanaan sepenuhnya projek ini pada tahun 2008 akan mewujudkan peluang pekerjaan bagi 101,173 pekerjaan mahir seperti jurutera elektronik, jurutera kimia, jurutera mekanikal, ahli bioteknologi, ahli mikrobiologi, ahli farmasi dan jurutera perisian. Impak projek ini bukan sahaja akan memudahkan pertumbuhan dan pembangunan keseluruhan sumber manusia Malaysia, ia juga akan mewujudkan lebih banyak faedah sampingan dalam negara.

## **SUBSEKTOR UTAMA**

### *i. Logam Asas*

Pada tahun 2008, industri produk logam asas mencatatkan paras pelaburan tertinggi dengan kelulusan berjumlah RM25.8 bilion. Dua projek baru di mana satu adalah bagi pengeluaran *unwrought aluminium* dengan pelaburan berjumlah RM12.5 bilion dan satu lagi untuk *hot rolled stainless steel sheets* berjumlah RM6.9 bilion. Kedua-dua projek merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah kelulusan.

### *ii. Elektronik dan Elektrik*

Industri elektronik dan elektrik menarik pelaburan sebanyak RM17.8 bilion. Projek utama yang diluluskan adalah bagi rekabentuk, pembangunan dan pengilangan wafer *photovoltaic* silikon, sel dan ingot, pemacu cakera keras dan komponen, sel dan modul

solar, papan litar bercetak dan wafer fabrikasi bagi *light emitting diodes*.

Minat berkekalan terhadap pelaburan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui berterusan pada tahun 2008. Kerajaan telah mengenal pasti sektor ini sebagai salah satu daripada bidang pertumbuhan untuk digalakkan di Malaysia, terutamanya bagi pengilangan sel dan modul solar.

Industri lain yang menarik pelaburan besar pada tahun 2008 adalah industri kelengkapan pengangkutan, produk makanan, kimia dan produk kimia serta produk petroleum.

### **STATUS PELAKSANAAN PROJEK DILULUSKAN**

Pelbagai langkah terus dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menpercepatkan pelaksanaan projek yang diluluskan. Di antara langkah-langkah yang dijalankan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek termasuk pengenalan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan yang menggantikan Sijil Kelayakan Menduduki. Tanggungjawab pensijilan kini dipindahkan daripada pihak berkuasa tempatan kepada ahli professional yang diiktiraf seperti jurutera dan arkitek, yang berdasarkan amalan pengawalan sendiri.

**Langkah-langkah lain termasuk:**

- penubuhan Pusat Sehenti di peringkat pihak berkuasa tempatan;
- menubuhkan Unit Pelaksanaan Perindustrian Daerah di peringkat daerah; dan
- pelantikan Pegawai Projek Khas di MIDA.

**Langkah-langkah yang diambil oleh MIDA dan Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah menyumbang kepada kadar pelaksanaan yang tinggi bagi projek yang diluluskan. Bagi tempoh 2003 – 2008, sejumlah 6,038 projek telah diluluskan.**

Daripada jumlah ini, 4,667 projek atau 77.3 peratus telah dilaksanakan dengan;

- 4,401 projek atau 72.9 peratus telah memulakan operasi mereka; dan
- 266 projek atau 4.4 peratus adalah di pelbagai peringkat pelaksanaan seperti perolehan tapak, pembinaan kilang dan pemasangan jentera.

MITI dan MIDA akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi mempercepatkan pelaksanaan projek yang diluluskan.

### **PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN**

Sektor perkhidmatan terus menjadi penggerak pertumbuhan penting dalam ekonomi Malaysia. Pada tahun 2008, sebanyak 2,755 projek dengan pelaburan

berjumlah RM47.8 bilion telah diluluskan berbanding dengan RM66.4 bilion bagi keseluruhan tahun 2007. Walau bagaimanapun, kelulusan dalam sektor perkhidmatan melebihi sasaran IMP3 sebanyak RM45.9 bilion setahun.

Pada tahun 2008, pelaburan domestik adalah sebanyak RM42.3 bilion atau 88.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM5.5 bilion atau 11.5 peratus.

Kelulusan utama dalam sektor perkhidmatan adalah dalam harta tanah, (RM25.9 bilion), perkhidmatan kewangan (RM4.8 bilion), tenaga (RM4.4 bilion), telekomunikasi (RM2.8 bilion) dan perkhidmatan sokongan, (RM2.2 bilion). Projek yang diluluskan pada tahun 2008 dijangka akan mewujudkan lebih daripada 35,691 peluang pekerjaan.

### Operasi Serantau

Insentif Malaysia yang lebih menarik, polisi ekuiti yang liberal dan penggajian pegawai dagang terus menggalakkan syarikat asing untuk menujuhkan operasi mereka di negara ini.

Pada tahun 2008, sebanyak 158 pertubuhan serantau baru dengan pelaburan berjumlah RM209.7 juta telah diluluskan dengan cadangan jualan tahunan sebanyak

RM1.0 bilion. Operasi-operasi ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 1,000 rakyat Malaysia di peringkat pengurusan, professional dan teknikal. Daripada jumlah kelulusan tersebut, 141 adalah bagi pejabat-pejabat serantau dan perwakilan, 10 adalah untuk ibu pejabat operasi, enam adalah bagi pusat perolehan antarabangsa dan satu adalah untuk pusat pengedaran serantau.

Penubuhan pejabat operasi serantau dalam negara menggalakkan rantai penting dengan sektor lain dalam ekonomi, terutamanya sektor perkhidmatan. Selain daripada mempertingkatkan perdagangan global Malaysia dan mewujudkan peluang perniagaan bagi pemborong dan peruncit tempatan, syarikat tempatan, termasuk syarikat IKS juga akan mendapat manfaat melalui integrasi ke dalam rangkaian rantai bekalan global syarikat-syarikat MNC.

**LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGATASI KELEMBAPAN EKONOMI**

Kerajaan telah bertindak secara aktif dan bertanggungjawab dalam menghadapi krisis ini. Untuk mengatasi kirisis ini, kita perlu mengembangkan pasaran, pelaburan swasta dan eksport untuk merangsangkan pertumbuhan. Kerajaan telah membuat penyesuaian terhadap polisi ekonomi makro negara, mengamalkan polisi fiskal yang proaktif serta polisi kewangan yang tidak

kompleks dan memperkenalkan langkah-langkah untuk memperteguhkan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kedua-dua pendekatan yang diambil menghasilkan satu pelan yang sistematik dan komprehensif bertujuan untuk mengatasi kelembapan ekonomi dalam negara.

Di antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion;
- penurunan *Overnight Policy Rate (OPR)* oleh Bank Negara sebanyak 75 poin asas kepada 2.5 peratus;
- penurunan dalam *statutory requirement rate (SRR)* daripada 3.5 peratus kepada 2.0 peratus bagi meningkatkan kecairan dalam sistem perbankan; dan
- memastikan deposit oleh bank komersil, bank berasaskan Islam dan bank pelaburan mendapat jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan;

Di antara langkah-langkah spesifik yang diambil bagi mengatasi isu-isu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan termasuk:

- pengeluaran secara automatik Lessen Pengilang berkuatkuasa 1 Disember 2008, kecuali bagi aktiviti

yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan pertimbangan keagamaan;

- pengecualian duti sepenuh ke atas bahan mentah dan barang perantaraan bagi aktiviti perkilangan domestik. Ini akan membantu untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dalam sektor perkilangan;
- penubuhan Dana Enterpris Mikro berjumlah RM200 juta untuk meningkatkan akses terhadap pembiayaan kepada syarikat mikro;
- penubuhan Skim Jaminan Bantuan IKS berjumlah RM2 bilion bagi memastikan IKS yang berdaya maju yang menghadapi kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa, akan terus mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan perlindungan jaminan ini, adalah diharapkan akses kepada pembiayaan oleh IKS yang berdaya maju akan dipertingkatkan pada kos yang lebih rendah;
- pengeluaran permit kerja secara terus kepada pekerja berpengetahuan dalam bidang kritikal berbanding dengan amalan semasa yang mengeluarkan permit terus kepada syarikat; dan
- berkuatkuasa 1 Februari 2009, majikan dalam industri tekstil dan elektronik & elekrik akan dikecualikan daripada menyumbang kepada Dana

**Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) selama enam bulan.**

**Sebagai langkah untuk terus menarik FDI, MIDA akan mempertingkatkan aktiviti penggalakan menerusi misi-misi pelaburan untuk menarik pelaburan daripada negara-negara yang disasarkan. Pada tahun 2009, sebanyak 10 misi berkenaan akan dianjurkan ke Asia, Eropah, Amerika Syarikat dan Australia. Selain daripada itu, MIDA juga akan menganjurkan 25 misi projek spesifik untuk mendapatkan sektor industri dan perkhidmatan spesifik yang menjadi sasaran. Sektor swasta dijemput untuk menyertai misi-misi ini dalam mencari peluang usahasama perniagaan.**

**Di peringkat domestik, MIDA akan meneruskan usahanya untuk meningkatkan pelaburan domestik menerusi seminar pelaburan tempatan. Sejumlah lima seminar pelaburan tempatan akan dianjurkan di seluruh negara bertujuan untuk memberikan maklumat terkini kepada pelabur tempatan tentang peluang perniagaan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dalam menghadapi cabaran semasa, pelabur tempatan perlu meneliti setiap sudut untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam meningkatkan lagi output mereka .**

**Kerajaan juga akan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi kedua untuk mengatasi kelembapan ekonomi negara selain daripada meneliti untuk menurunkan**

kadar tarif tenaga. Maklumat terperinci pakej rangsangan kedua ini sedang diteliti dan akan diumumkan dalam masa terdekat. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk menjadikan sektor perkhidmatan bukan kewangan lebih liberal. Langkah-langkah ini bila dilaksanakan, akan membantu dalam merangsang pertumbuhan ekonomi, meningkatkan FDI dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dalam negara.

### **TINJAUAN BAGI TAHUN 2009**

Kemajuan dalam ekonomi global akan terus mempengaruhi aliran masuk pelaburan ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Krisis kewangan dan kemelesetan di Amerika Syarikat, yang pengaruhnya telah berjangkit ke banyak ekonomi di Eropah dan Asia akan menambahkan lagi cabaran bagi Malaysia untuk mengekalkan aliran masuk pelaburan asing.

Bank Dunia menganggarkan aliran masuk FDI ke negara-negara membangun akan menguncup kepada USD400 bilion pada tahun ini daripada anggaran sebanyak USD580 bilion pada tahun 2008. Ini merupakan penurunan sebanyak 31 peratus akibat daripada syarikat-syarikat peneraju mengurangkan kos dan pelaburan disebabkan oleh suasana kelembapan ekonomi. Keupayaan dunia korporat untuk melabur akan merosot akibat kekurangan

kewangan, keuntungan syarikat yang semakin menurun dan kejatuhan mendadak dalam pemintaan global.

Berdasarkan perkara di atas dan pentingnya FDI kepada ekonomi Malaysia, keutamaan Kerajaan adalah untuk bekerjasama dengan sektor swasta untuk mewujudkan persekitaran operasi yang kondusif dan kompetitif bagi perniagaan. Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mendapatkan pekerjaan menerusi latihan semula dan menawarkan bantuan kepada industri.

Kerajaan adalah komited dalam mengembangkan pelaburan dan perdagangan, dan dalam masa yang sama terus memperkuuhkan jentera kerajaan supaya menjadi lebih efisien dan efektif. Strategi ini akan terus berkembang dan dihalusi bila diperlukan, ketika kita menyesuaikan diri dengan kemajuan baru yang sedang berlaku dalam ekonomi dunia.

Dengan ini, saya akan mengalu-alukan pandangan membina, input dan maklumbalas untuk terus memperbaiki persekitaran perniagaan di negara ini.